

## **Konsep Akal dan Adab Kesopanan Dalam Buku 'Falsafah Hidup' Oleh Prof. Hamka**

ABD GANING LAENGGANG<sup>1</sup>

WAN MOHD FAIRAZ BIN WAN MOHD GHAZALI<sup>2</sup>

### **ABSTARK**

Kajian ini menghuraikan konsep akal dan adab kesopanan yang dihuraikan oleh Prof. Hamka melalui bukunya *Falsafah Hidup*. Kajian ini menggunakan pendekatan konseptual atau bersifat deskriptif. Prof. Hamka menekankan pengertian dan tujuan pemberian akal kepada manusia oleh Allah SWT dalam melaksanakan prinsip adab kesopanan. Menurut beliau, tujuan utama penganugerahan akal kepada manusia adalah untuk mengenali Allah, dan melakukan segala perintah dan menjauhi segala laranganNya. Untuk menilai kebaikan dan keburukan sesuatu perkara, akal perlu dipandu oleh Islam (al-Quran dan Sunnah). Kajian ini mendapati Prof. Hamka mengaitkan secara langsung perkembangan atau kemajuan akal dengan adab kesopanan. Dengan pengertian, adab kesopanan adalah hasil daripada kebijaksanaan akal. Dalam konteks ini, Prof. Hamka memecahkan kemajuan akal kepada dua jenis, iaitu kemajuan kecerdasan (kepintaran berfikir) dan kemajuan perasaan (budi, adab kesopanan). Kemajuan perasaan ini pula dipecahkan kepada dua, iaitu adab luaran (pergaulan) dan adab dalaman (batin). Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa akal memainkan peranan utama dalam mengamalkan prinsip adab kesopanan bagi mencapai kehidupan yang bahagia dunia dan akhirat.

Kata kunci: *akal, adab kesopanan, falsafah hidup.*

### **ABSTRACT**

*This study describe the relationship between intellect (akal) with politeness<sup>3</sup> elaborated by Prof. Hamka through his book of Falsafah Hidup (Philosophy of Life). This study used a descriptive or conceptual approach. Prof. Hamka emphasize the meaning and the purpose of human mind by God in implementing the principles of politeness. According to him, the main purpose of human mind conferment is to know God, to obey all His commands and to avoid what is forbidden. To evaluate the pros and cons of a matter, mind should be guided by Islam (Quran and Sunnah). The study found that Prof. Hamka directly linked the development of mind with politeness. In that perspective, politeness are the result of mind intelligence. In this context, Prof. Hamka divided the advancement of mind into two types, namely adavancement*

1 Ijazah Sarjana Pengajian Melayu (Pengkhususan Bahasa Melayu), Universiti Malaya, Pensyarah di Jabatan Peradaban dan Potensi Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS. [abdulganing@kuis.edu.my](mailto:abdulganing@kuis.edu.my)

2 Ijazah Sarjana Muda, Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya, Pensyarah Bahasa Jepun, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras, KUIS. [fairaz@kuis.edu.my](mailto:fairaz@kuis.edu.my)

3 Politeness refers to *adab kesopanan* in Malay language.

*of intelligence (strategic thinking) and advancement of feeling (courtesy, manners and politeness). The advancement of feeling is also divided into two, namely external politeness (social) and internal politeness (inner). Overall, the study concluded that mind plays a key role in applying the principles of politeness to achieve a happy life and hereafter.*

Key words: *intellect, politeness, and philosophy of life.*

## **Pengenalan**

Kertas kerja ini memperlihatkan hubungan rapat antara akal dan kehidupan, termasuk kelakuan adab kesopanan yang diperincikan oleh Prof. Hamka melalui karyanya *Falsafah Hidup*. Buku tersebut terdiri daripada sembilan bab, yang merangkumi persoalan falsafah dan peranan manusia terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (politik). Di bahagian awal buku tersebut menyatakan pendirian dan sokongan Prof. Hamka terhadap konsep *falsafah* yang menjadi perselisihan dalam kalangan sarjana Islam. Beliau menerima pengertian falsafah sebagai satu kegiatan akal (berfikir) yang cinta akan hikmat dan ilmu. Prof. Hamka turut mempermudah maksud falsafah tersebut dalam bahasa Indonesia (Melayu). Dalam menghuraikan hubungan falsafah dan agama, beliau mengatakan bahawa falsafah memerlukan asas pegangan agama yang kukuh, dan melihat falsafah sebagai usaha untuk menguatkan keimanan. Daripada pengertian falsafah ini, Prof. Hamka menghuraikan akal dan adab kesopanan yang berteraskan Islam sebagai panduan hidup untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

## **Riwayat Hidup**

Nama sebenar Prof. Hamka ialah Abdul Malik Abdul Karim Amrullah dan beliau dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Kampung Molek, Maninjau, Sumatera Barat. Beliau meninggal dunia pada 24 Julai 1981 pada usia 73 tahun dan jenazahnya dimakamkan di TPU Tanah Kusir, Jakarta. Beliau merupakan tokoh ilmuwan yang terkenal di alam Melayu abad ke-20. Beliau bukan sahaja ulama, malah beliau ialah sasterawan dan ahli politik di Indonesia. Kebijaksanaan beliau sebagai ulama terbukti apabila Prof. Hamka memegang jawatan sebagai Ketua Majlis Ulama Indonesia (MUI). Sebagai ahli politik, beliau menyertai Barisan Pengawal Nagari dan Kota (BPNK) dan membentuk persatuan untuk menentang penjajahan semula oleh Belanda di Indonesia.

Oleh sebab sifat kepimpinannya, dalam pilihanraya umum 1955, Hamka dicalonkan Masyumi sebagai wakil Muhammadiyah dan terpilih menjalankan tugas dalam Perlembagaan. Beliau terlibat dalam penyusunan kembali dasar negara. Sikap politik Masyumi menentang komunisme dan gagasan Demokrasi Terpimpin mempengaruhi hubungan beliau dengan Sukarno. Selepas Masyumi dibubarkan berdasarkan arahan Presiden Sukarno pada 5 Julai 1959, Hamka menerbitkan majalah *Panji Masyarakat* tetapi tidak lama selepas itu penerbitan majalah tersebut diharamkan oleh Presiden Sukarno.

Dengan pengaruh Komunis yang semakin kuat, Prof. Hamka dan karya-karyanya diserang oleh organisasi kebudayaan Lekra. Beliau dituduh melakukan gerakan sulit menyebabkan Hamka ditangkap di rumahnya dan kemudian dipenjarakan di Sukabumi. Semasa dalam tahanan dan dalam keadaan kurang sihat, beliau menghasilkan Tafsir Al-Azhar. Prof. Hamka dibebaskan sebagai tahanan semasa peralihan kuasa daripada Presiden Sukarno kepada

Proesiden Suharto, iaitu pada Januari 1966. Selepas pembebasan itu, beliau diberikan ruang tetap di Radio Republik Indonesia (RRI) dan Televisyen Republik Indonesia (TVRI) untuk menyampaikan ceramah. Selain itu, beliau banyak menghabiskan masa hidupnya untuk kegiatan dakwah di Masjid Al-Azhar. Selain sebagai ulama dan ahli politik, beliau juga dianggap sebagai sasterawan, penulis dan penerbit. Dalam usia muda, iaitu sekitar tahun 1920-an, Hamka telah menjadi wartawan beberapa buah surat khabar seperti Pelita Andalas, Seruan Islam, Bintang Islam, dan Seruan Muhammadiyah. Pada tahun 1928, beliau menjadi editor majalah Kemajuan Masyarakat. Pada tahun 1932, ia menjadi editor dan menerbitkan majalah al-Mahdi di Makassar. Hamka juga pernah menjadi editor majalah Pedoman Masyarakat, Panji Masyarakat, dan Gema Islam.

Prof. Hamka mempelajari sendiri pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti filsafat, sastera, sejarah, sosiologi dan politik, baik Islam maupun Barat. Dengan kemahiran bahasa Arabnya yang tinggi, beliau dapat menyelidiki karya ulama dan pujangga besar di Timur Tengah, seperti Zaki Mubarak, Jurji Zaidan, Abbas al-Aqqad, Mustafa al-Manfaluti, dan Hussain Haikal. Melalui bahasa Arab juga, beliau meneliti karya sarjana Perancis, Inggeris, dan Jerman seperti Albert Camus, William James, Sigmund Freud, Arnold Toynbee, Jean Paul Sartre, Karl Marx, dan Pierre Loti. Melalui pembacaan yang banyak, Prof. Hamka menghasilkan pelbagai karya ilmiah Islam dan karya kreatif. Pada tahun 1928, Hamka menulis buku romannya yang pertama dalam bahasa Minang dengan judul Si Sabariah. Karya ilmiah terbesar yang pernah beliau hasilkan ialah *Tafsir al-Azhar*. Karya kreatif yang mengangkat beliau sebagai sasterawan ialah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, dan *Merantau ke Deli*.

Keintelektualan beliau dalam pelbagai bidang melayakkan beliau menerima beberapa penghargaan dan anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa. Pada tahun 1959, Prof. Hamka menerima anugerah gelaran Doktor Honoris Causa daripada Universiti al-Azhar, Kaherah atas jasa-jasanya dalam penyiaran agama Islam dengan menggunakan bahasa Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia turut menghargai jasa beliau dengan menganugerahkan Doktor Kehormat, khususnya dalam bidang kesusasteraan. Selain itu, beliau menerima gelaran Profesor daripada Universiti Moestopo, Indonesia. Indonesia turut menabalkan Prof. Hamka sebagai guru besar dan sebagai salah seorang Pahlawan Nasional Indonesia.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan tujuan berikut:

- i. Mengkaji konsep falsafah, akal dan adab kesopanan berdasarkan huraian yang diberikan oleh Prof. Hamka.
- ii. Mengkaji hubungkait antara akal dan adab kesopanan.

### **Bahan Kajian**

Kajian ini memberi tumpuan terhadap konsep falsafah, akal dan adab kesopanan yang diperincikan oleh Profesor Hamka yang terdapat dalam buku *Falsafah Hidup*. Berdasarkan prakata buku tersebut, penulis menghasilkan buku ini pada Ogos 1940 dan diterbitkan semula oleh Pustaka Dini Sdn. Bhd., Cetakan Edisi Kedua 2006. Buku ini merupakan salah satu rangkaian daripada empat buah buku yang dihasilkan oleh Prof. Hamka, iaitu *Tasauf Modern*,

*Falsafah Hidup, Lembaga Budi, dan Lembaga Hidup.* Buku *Falsafah Hidup* ini dihadiahkan khas untuk gurunya, iaitu Tuan Guru A.R. Sutan Mansur.

...saya susunkan buku ini, dan saya jadikan persembahan kepada tuan, persembahan adik kepada kakaknya dengan erti yang sempit, dan persembahan murid kepada gurunya dengan erti yang luas! Jika ditilik segenap isinya, tidak ubahnya saya mencurahkan air ke dalam lautan yang maha besar. (*Falsafah Hidup, Cetakan 2006:1*)

Secara umumnya, buku tersebut membahaskan pelbagai rahsia hidup dan tingkah laku (sopan santun dan budi) menurut perspektif Islam. Hal ini ditegaskan dalam perenggan pertama dalam buku tersebut. Menurutnyanya,

“Inilah kitab dari hal hidup dan rahsianya, sopan santun dan budi dalam Islam, saya susun sesudah kitab ‘Tasawuf Moden’. (*Falsafah Hidup, Cetakan 2006:1*)

Buku ini mengandungi sembilan bab dan setiap bab mempunyai subtajuk masing-masing. Kajian ini meneliti konsep-konsep penting yang terdapat dalam bab satu hingga tiga sebelum memberi tumpuan penuh terhadap bab empat.

### **Konsep Falsafah dan Akal Menurut Prof. Hamka**

Di bahagian pengantar buku tersebut, Prof. Hamka memberikan huraian tentang perkembangan dan tumpuan utama dalam ilmu falsafah yang bermula dari zaman Yunani ke zaman Iskandaria, beralih ke Rom dan seterusnya pada zaman kegemilangan Islam di Tanah Arab, zaman Renaisan di Eropah dan hingga zaman sekarang (zaman Indonesia merdeka). Selain itu, beliau turut secara ringkas menyentuh perselisihan pandangan yang berlaku antara ilmu falsafah dengan ilmu agama dalam kalangan orang Islam. Selain itu, beliau memperlihatkan ciri-ciri orang falsafah.

Dari segi perkembangan, Prof. Hamka menghuraikan bahawa manusia telah mengenali maksud falsafah atau *filosofat* atau *pilosofie* sejak zaman Yunani, iaitu kira-kira 2000 tahun yang lalu. Istilah falsafah terdiri daripada dua gabungan perkataan, iaitu *pilos* dan *sofos*, *pilos* bermaksud penggemar dan *sofos* bermaksud hikmat atau ilmu. Pada peringkat awal, ilmu falsafah banyak memberi tumpuan terhadap rahsia alam. Dalam pemerhatian tentang alam, menurut Prof. Hamka, terlalu banyak rahsia dalam alam ini yang tidak diketahui, tetapi semua orang ingin mengetahuinya. Kejadian langit dan bumi, bintang-bintang di angkasa, matahari, dan segala kehidupan di daratan dan lautan menyimpan seribu satu rahsia yang belum diketahui. Semua orang ingin memecahkan rahsia itu. Menurutnyanya lagi, sesiapa menyelidiki, mengkaji dan merenungi rahsia alam secara mendalam, maka mereka akan menemui keajaiban dan keindahan setiap penciptaannya.

Selepas memberikan perhatian pada alam sebagai isu utama dalam falsafah orang Yunani, Prof. Hamka memperlihatkan bahawa masyarakat pada masa itu beralih perhatian daripada persoalan alam kepada persoalan manusia itu sendiri. Rahsia manusia juga terlalu banyak dan tidak kurang pentingnya dengan persoalan alam. Antara persoalan utama tentang manusia yang dipetik oleh Prof. Hamka ialah “kita ini siapa? Dari mana kita datang? Ke mana kita akan pergi? Apa bezanya hidup kita dengan makhluk lain? Apa ertinya mati? dan sebagainya. Selain itu, pada zaman itu wujud persoalan apa yang wajib kita kerjakan? Apa yang wajib

dijauhi? Apa yang baik dan apa yang buruk? Daripada persoalan-persoalan ini, maka pelbagai cabang ilmu falsafah muncul, seperti ilmu etika, sosiologi, politik, sains dan sebagainya.

Seperti yang disebut di bahagian awal, falsafah bermaksud penggemar cinta akan hikmah dan ilmu, Prof. Hamka mempermudah maksud hikmah atau ilmu itu dengan menggunakan bahasa Indonesia (bahasa Melayu). Menurutnya, "hikmah itu dalam bahasa Arab, dalam bahasa Indonesia, ia boleh diertikan sebagai rahsia." Tambahnya lagi, falsafah ialah aktiviti akal (kegiatan berfikir) yang menjadi alat untuk membongkar segala rahsia alam, dan segala rahsia kehidupan manusia. Dalam membicarakan hubungan antara falsafah dengan agama, Prof. Hamka berpendapat bahawa falsafah menjadi platform atau medium untuk menguatkan keimanan manakala agama sebagai asas ilmu untuk berfalsafah.

Konsep falsafah yang dipegang oleh Prof. Hamka ini diteruskan oleh beberapa sarjana selepas beliau, termasuk ahli sarjana bahasa, seperti Hashim Musa (2006) dan Awang Sariyan (2007). Hashim Musa memperincikan maksud falsafah semasa menghuraikan aliran pemikiran bahasa yang bermula di Barat. Menurut Hashim Musa (2006:7), ilmu falsafah ialah ilmu yang mengkaji dan meneliti objek yang abstrak dan logikal yang merupakan hakikat benda-benda dan kejadian di dalam alam semesta ini yang dilihat dan dihuraikan secara holistik atau menyeluruh berdasarkan paradigma berfikir secara logik melalui kaedah renungan, pentaakulan dan hujahan yang logikal dan rasional dengan nilai kebenarannya diukur berasaskan akal yang rasional. Menurut Hashim Musa lagi, objek yang dikaji oleh ilmu falsafah ialah apa yang ada dan apa yang mungkin ada di dalam alam semesta atau keseluruhan kewujudan ini. Objektif utama ilmu falsafah pula adalah untuk menemukan hakikat kebenaran apa yang ada itu. Perincian makna falsafah oleh Hashim Musa ini masih dalam kerangka kegiatan akal, sama seperti yang dimaksudkan oleh Prof. Hamka.

Begitu juga dengan Awang Sariyan yang menerima falsafah sebagai satu asas yang penting dalam kajian bahasa. Awang Sariyan yang mengemukakan gagasan *linguistik Islam* mengatakan bahawa inti sari yang terpenting dalam kajian falsafah ialah "usaha mencari hakikat dan kebenaran sesuatu perkara sesuai dengan etimologi kata falsafah yang berpaksi pada makna cinta akan hikmah atau kebijaksanaan (2007:3). Matlamat praktis falsafah ialah memahami isu-isu asas yang berkaitan dengan kehidupan manusia, dengan akal menjadi alat utama untuk melaksanakan penyelidikan falsafah itu.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa Prof. Hamka menyedari wujudnya perselisihan pandangan dalam kalangan ulama atau ilmuwan Islam sejak ratusan tahun yang lalu berkenaan dengan falsafah dan agama. Menurut Hamka (2006:16), "Suatu masa, dalam kalangan Muslimin sendiri timbul golongan yang tidak menyetujui pemakaian falsafah untuk tuntunan berfikir. Memang ada juga bahayanya kalau hanya berfalsafah yang dipentingkan, dengan tidak memperkuat dasar hidup dan kepercayaan, boleh tersasar di jalan-jalan yang berbelit-belit bersimpang siur itu". Kontroversi antara falsafah dan agama timbul dalam kalangan sarjana Islam disebabkan oleh etimologi kata falsafah dan kandungan bidang itu. Terdapat ulama Islam mendakwa bahawa semakin manusia berfalsafah, maka semakin kurang kebergantungan mereka terhadap agama.

Prof. Hamka mengakui bahawa agak berbahaya jika hanya falsafah yang dipentingkan, tanpa memperkuat dasar terlebih dahulu. Orang yang tidak mempunyai pegangan agama (akidah) yang kukuh akan mudah terpesong apabila membicarakan persoalan epistemologi, logik, metafizik dan aksiologi yang menjadi aspek utama dalam bidang falsafah. Oleh itu, Prof.

Hamka berpendirian bahawa, dalam mencari kebenaran mesti wujud kerjasama antara agama dan falsafah. Menurutnyanya (2006:16), “Pendirian mencari kebenaran (*Thalabul Haq*), perseimbangan antara kerja otak, tempat falsafah bermain, dengan kerja hati, tempat agama berurat; kerjasama di antara fikiran, cita-cita dan perasaan halus, dengan itulah kita mencuba berjalan-jalan di tepi pematangnya falsafah. Tambahnya lagi (2006:16), “Agama Islam dan sumbernya yang asli adalah pembela falsafah. Bagaimana akan dimungkiri, padahal dalam Kitab Suci itu, sentiasa disesali orang-orang yang tidak mempergunakan akalnyanya. “tidakkah kamu gunakan akalmu?” – Tidakkah kamu fikirkan?” – “Ambil perbandinganlah hai orang-orang mempunyai pandangan, dan lain-lain lagi, beratus-ratus ayat untuk mengetuk pintu fikiran.”

Berdasarkan kedua-dua petikan di atas, Prof. Hamka jelas memperlihatkan hubungan yang erat antara falsafah dan agama. Untuk mencari kebenaran, perlu wujud keseimbangan antara otak (falsafah) dan hati (agama). Beliau menegaskan lagi bahawa agama Islam sebagai asas yang kukuh untuk berfalsafah dan menjadikan falsafah sebagai alat untuk mencapai kekuatan iman (2006:24). Beliau turut mengemukakan bukti-bukti al-Quran (naqli) yang menggalakkan umat Islam untuk berfikir. Antara surah yang dipetik oleh Prof. Hamka ialah *Surah Al-Zariyat* (51), ayat 20 dan 22. Menurut beliau, Surah ini jelas memperlihatkan persoalan utama yang menjadi aspek kajian falsafah bumi tempat manusia hidup, manusia sendiri, dan langit.

Dan pada bumi adalah bukti bagi orang-orang yang yakin (20)

Dan pada dirimu sendiri, apakah kamu tidak pandangi (21)

Dan pada langit rezekimu dan apa yang dijanjikan buat kamu (22)

Berdasarkan konsep falsafah yang menjadi pegangan beliau, Prof. Hamka mengemukakan satu pandangan hidup sebagai seorang Muslim tentang rahsia kehidupan berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Pandangan hidup itu dihipunkan dan dimuatkan dalam bukunya *Falsafah Hidup*. Pelbagai aspek kehidupan yang dihuraikan dalam buku tersebut. Namun demikian, kajian ini hanya menyentuh persoalan falsafah dalam melihat hubungan akal dengan adab kesopanan berdasarkan al-Quran dan Sunnah.

### **Hubungan Akal dengan konsep Adab Kesopanan Menurut Prof. Hamka**


Berdasarkan kajian ini, konsep akal dan adab kesopanan tidak diperincikan oleh Prof. Hamka, seperti apa yang dilakukan oleh Prof. Muhammad Syed Naquib Al-Attas dalam memaknakan *adab*. Sebaliknya Prof. Hamka menjelaskan maksud akal dan adab kesopanan dengan menggunakan perumpamaan dan contoh-contoh yang amat dekat dengan alam Melayu. Konsep akal diumpamakan sebagai “tali mengikat unta, akal itu mengikat manusia; sebagaimana tali mengikat unta supaya tidak lari, akal mengikat manusia supaya tidak lepas mengikut hawa nafsunya (2006:44)”. Akal mempengaruhi segala tindakan dalam kehidupan seharian. Akal boleh sentiasa mengalami perkembangan dan kemajuan. Menurut beliau lagi, “orang yang berakal selalu mengingati kekurangannya, kalau perlu ditulisnya dalam buku peringatan sehari-hari. Baik kekurangan pada agama atau pada akhlak dan kesopannya (2006:62).

Dalam konteks hubungan akal dan ilmu, Prof. Hamka mengatakan bahawa Islam mengiktiraf peranan akal dan memperjelas bahawa akal dianugerahkan kepada manusia dengan tujuan yang sangat suci. Agama Islam amat menghormati akal. Hal ini kerana tidak akan tercapai

ilmu tanpa akal. Sebab itu Islam ialah agama ilmu dan akal.” Dengan pemahaman itu, Prof. Hamka (2006:81) menyimpulkan bahawa “*tujuan akal yang paling mulia, tujuan akal yang sejati, tujuan perjuangan dalam hidup ini ialah makrifat Allah SWT, kenal pada Tuhan, mengerjakan perintah-Nya dengan taat, menahan diri daripada maksiatnya.*”

Prof. Hamka tidak mengasingkan perkataan *adab* dan *kesopanan* sebagai dua perkataan yang berlainan, sebaliknya beliau merangkaikan kedua-dua perkataan tersebut sebagai satu bentuk kata majmuk untuk membentuk satu konsep yang baharu. Dalam membicarakan hubungan akal dengan kesopanan, khususnya yang terdapat dalam bab empat, iaitu bab *Adab Kesopanan*, beliau membuat perbandingan antara manusia dengan binatang. Beliau memetik pandangan ahli-ahli haiwan yang mengatakan bahawa manusia dan binatang mempunyai persamaan, iaitu ada perasaan untuk mempertahankan diri apabila menerima ancaman. Namun demikian, perbezaannya ialah binatang tidak mempunyai akal dan sebab itu cara binatang mempertahankan diri tidak berkembang atau tidak mengalami kemajuan. Dengan perkataan lain, binatang tidak dapat mencipta peralatan canggih untuk mempertahankan diri, atau tidak dapat mencipta alat menyerang semula kerana binatang tidak dianugerahkan akal untuk berfikir. Tidak seperti manusia yang boleh mencipta pelbagai peralatan perang, bukan sekadar untuk mempertahankan diri, malah terdapat manusia yang mencipta senjata canggih untuk menakluk dunia. Inilah perbezaan manusia dengan haiwan.

Berdasarkan huraian di atas, Prof. Hamka memperlihatkan bahawa akal mengalami perkembangan dan ia turut mempengaruhi perkembangan adab kesopanan. Hal ini kerana adab kesopanan adalah sebahagian daripada kemajuan dan perkembangan akal. Prof. Hamka memecahkan kemajuan akal kepada dua jenis, seperti dalam rajah berikut.



Berdasarkan rajah di atas, kemajuan akal dipecahkan kepada dua, iaitu kemajuan kecerdasan dan kemajuan perasaan. Kemajuan kecerdasan bermaksud kemajuan daya fikir yang tinggi. Ia juga membawa maksud kepintaran atau kebijaksanaan berfikir. Dalam rajah di atas. Kemajuan perasaan pula merujuk kepada adab kesopanan dan budi pekerti. Adab kesopanan ini pula dipecahkan kepada dua, iaitu ‘adab di dalam’ dan ‘adab di luar’.

#### **A. Adab Di Luar**

Adab di luar bermaksud adab-adab pergaulan harian, menjaga yang salah pada pandangan orang. Menurutnya lagi, adab pergaulan ini berbeza mengikut keadaan tempat, boleh mengalami perubahan akibat daripada perubahan zaman, termasuk perubahan dalam hukum adat istiadat dan budaya. Prof. Hamka memberikan maksud *adab di luar* dengan

menggunakan istilah Barat, iaitu *etika* yang bermaksud akhlak dan budi yang menjadi salah satu cabang falsafah. Dalam menerangkan adab pergaulan ini, Prof. Hamka memperlihatkan beberapa contoh, seperti berikut:

“...menurut adat Indonesia asli “duduk bersila di muka orang tua. Adat orang Eropah apabila bertemu dengan seorang teman mengangkat topi, padahal pada bangsa China dilakukan seketika akan pergi (2006:148).”

“Jika makan bersama-sama tetamu, janganlah lebih dahulu membasuh tangan, walaupun perut sudah kenyang. Kalau hendak mendahului juga, hendaklah meminta izin, tetapi siramkan air di tempat cuci tangan itu ke piring sendiri (2006:148-149).”

“...bagi orang Aceh tidak boleh mengangkat kaki, pada orang Bugis tidak boleh menyentak keris, kerana mengangkat kaki bagi orang Aceh berarti menentang, menyentak keris bagi orang Bugis hanya ketika ditikamkan sahaja...Keris orang Jawa hanya disisipkannya di pinggang di bahagian belakang, dan hanya akan dikisarkan ke depan apabila hendak berkelahi sahaja (2006:149).”

Menurut Prof Hamka, adab kesopanan di luar tidak terlalu penting untuk diberi perhatian walaupun jika diperhatikan kita memperoleh manfaat. Hal ini kerana setiap negeri, tempat dan masyarakat mempunyai adab kesopanan masing-masing. Apa yang lebih penting dalam adab pergaulan ini ialah kita tidak boleh menghina atau merendah-rendahkan adab dan amalan-amalan kehidupan orang lain. Malah menurut beliau, tindakan “mengayau” (memotong kepala) dalam kalangan masyarakat Dayak pun tidak boleh direndah-rendahkan kerana amalan itu merupakan manifestasi naik turun kesopanan yang mereka tempuhi menurut ruang dan waktunya.

## **B. Adab Di Dalam**

Kesopanan yang paling penting bagi Prof. Hamka ialah adab kesopanan batin. Hal ini kerana adab kesopanan batin adalah sumber adab kesopanan luaran. Tambahnya lagi,

“...kalau adab kesopanan batin adalah suci, bersih, amat bagus, tidak hendak menipu sesama manusia, maka akan baiklah segenap buahnya bagi segenap masyarakat. Tidaklah akan canggung ke mana dia pergi walau ke Bugis, ke Makassar, ke Ambon, ke Ternate, ke Jawa, ke Madura, ke Aceh, ke Minangkabau, bahkan ke sudut dunia mana pun (2006:150).”

Hal ini berkaitan dengan Islam yang mengatakan bahawa dalam diri manusia ada segumpal daging, jika baik daging itu, maka baiklah segala anggota badannya, jika buruk hati itu, maka buruklah segala amalan yang dilakukan oleh anggota badan. Dalam konteks ini, pengajaran pembelajaran adab bukan hanya untuk golongan muda sahaja, malah perlu ditujukan kepada setiap manusia, sama ada yang tua atau yang muda. Dengan itu, Prof. Hamka membahagikan adab batin itu kepada dua dan memperjelas kedua-dua adab batin tersebut menurut ajaran Islam dan falsafahnya. Berikut ialah dua jenis adab batin, iaitu,

1. Adab sesama makhluk.
  - a. Adab kesopanan bermasyarakat



- b. Adab kesopanan terhadap Rasulullah SAW.
2. Adab kepada Khalik.

### 1. Adab Sesama Makhhluk

Adab kesopanan sesama makhhluk ini melibatkan hubungan antara manusia dengan manusia. Dalam membicarakan adab diri sesama makhhluk, Prof. Hamka memperincikan dua adab kesopanan sesama makhhluk, iaitu adab kesopanan bermasyarakat dan adab kesopanan kepada Rasulullah SAW. Perincian berkenaan dengan adab kesopanan bermasyarakat, Prof. Hamka menjelaskan bahawa manusia dicipta dengan tiga sifat semulajadi bagi memenuhi sifat kehaiwanannya, iaitu (i) kecenderungan, (ii) marah, dan (iii) mementingkan diri sendiri. Namun demikian, Allah SWT juga memberikan akal kepada manusia. Akal ini memainkan peranan yang amat penting kerana ia menjadi hakim dan ia mengatur segala perbuatan manusia. Oleh sebab akal ini bertanggungjawab ke atas segala perbuatan manusia, maka Prof. Hamka menyarankan agar akal sentiasa diperbaiki, dibersihkan, dipertajam dan dimantapkan. Akal perlu menerima ilmu yang benar dan fikiran perlu diperluaskan.

Prof. Hamka juga meminta manusia akan membebaskan akal daripada menjadi ikut-ikutan. Seseorang dilarang menjadi pengikut pendapat orang lain tanpa menggunakan akal yang dipandu oleh Kitab al-Quran dan Sunnah. Baginya, manusia yang menjadi pengikut tanpa menggunakan akal, hidup manusia itu tidak ada nilainya. Prof. Hamka menegaskan bahawa akal, jiwa, jasmani dan rohani ini perlu dilengkapi dengan hukum-hukum syariat, iktikad, ibadat dan amalan. Masa yang paling sesuai untuk mendidik bagi melengkapkan dan memantapkan unsur-unsur tersebut adalah semasa kanak-kanak itu masih kecil. Pada masa kecil, batin kanak-kanak masih lemah lembut dan ia mudah untuk dibentuk. Hal ini sesuai dengan peribahasa Melayu “melentur buluh biar dari rebungnya.”

#### a. Adab Bermasyarakat

Prof. Hamka telah menyenaraikan 12 contoh adab kesopanan bermasyarakat. Kajian ini hanya menghuraikan tiga adab utama yang ditekankan oleh beliau untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni dalam sesebuah masyarakat.

#### i. Adab Memelihara Mata dan Perhiasan

Beliau meletakkan *adab memelihara mata dan perhiasan* sebagai kunci utama untuk keselamatan dan keharmonian masyarakat. Beliau memetik *Surah al-Nūr* 24:30-31 sebagai dalil yang menjadi pegangan hidup bermasyarakat. Selain itu, beliau mengetengahkan hadis Rasulullah SAW, iaitu *jangan diikuti pandangan pertama dengan pandangan kedua, cukup sekali sahaja*. Pepatah Sayidina Umar turut diketengahkan yang berbunyi “*pandangan sesaat kerap kali mendatangkan melarat setahun.*”

Menurut Prof. Hamka, “janganlah mata diperliar, jangan sembarangan pandang sahaja, baik lelaki terhadap perempuan, atau perempuan terhadap lelaki. Sebab dari mata itulah pintu ke dalam hati dan jiwa, yang menimbulkan ‘kontak’ kedua-dua belah pihak.” Beliau menghuraikan bahawa kehidupan masyarakat sekarang (pada zaman beliau dan masih berterusan sehingga sekarang), kaum wanita semakin mendedahkan aurat dan bentuk badan

mereka. Lelaki pula sentiasa tertarik untuk memandang wanita yang mempamerkan aurat. Dalam keadaan ini, lelaki tersebut hanya mempunyai dua pilihan, sama ada cara halal atau haram. Tanpa penjagaan pandangan mata dan perhiasan wanita akan menimbulkan masalah sosial yang teruk, khususnya berkenaan dengan kehidupan bermasyarakat, dari segi keturunan.

Bagi umat Islam, dalam menyelesaikan masalah pandangan mata kaum lelaki, ada cara halal dan mudah, iaitu berkahwin lebih daripada satu. Namun demikian, cara halal ini boleh menimbulkan masalah jika tidak difikirkan secara mendalam. Menurutnya, *ada lelaki tidak berfikir sampai ke sana, kahwin sahaja habis perkara; yang menjadi perhatiannya ialah kecantikan perempuan itu. Kalau tua nanti, tidak boleh beristeri lagi. Lalu dia pun kahwin." Sehabis kahwin, kelihatan pula perempuan muda yang lain, lalu kahwin lagi, setelah bosan, cerai lagi...apalagi kalau banyak pula anak yang tidak terdidik. Setelah tua, tidak ada yang membela, kerana pada waktu muda hanya digunakan untuk beristeri, bukan untuk menegakkan rumah tangga dan bukan untuk mendidik anak.*

Menurutnya lagi, zaman muda adalah zaman yang penuh mencabar kerana pada zaman muda lebih cenderung kepada menurut kehendak dirinya, berbanding menurut akalnya. Orang yang dapat melepasi zaman mudanya akan mendapat keuntungan yang besar dan apabila dewasa, dia akan berasa bangga dengan kemenangan itu. Dalam konteks inilah Prof. Hamka menekankan bahawa pandangan mata dan perhiasaan diri perlu dijaga dengan akal yang waras. Di sinilah letaknya hubungan adab dengan akal.

## ii. Jangan Merosakkan Hubungan

Prof. Hamka memetik *Surah al-Hujurat* 49:11-12 sebagai asas adab kesopanan bermasyarakat. Menurut beliau, segala larangan yang termaktub dalam *surah* tersebut menjadi punca yang merosakkan hubungan dalam sesebuah masyarakat. Inti penting yang terkandung dalam *surah* tersebut antaranya ialah larangan untuk mencela orang lain. Punca utama yang menjadikan seseorang gemar mencela kaum lain ialah sikap kebencian dan hasad dengki. Menurut pemerhatian Prof. Hamka, sikap ini banyak berlaku di persekitaran masyarakatnya. Sikap ini menyebabkan seseorang itu melakukan ketidakadilan atau kezaliman ke atas orang lain. Hal ini kerana sikap benci dan hasad dengki ini menjadikan seseorang itu tidak dapat melihat kebaikan orang lain, malah melihat orang tersebut tidak sedikitpun memiliki kebaikan. Perasaan dengki ini bukan hanya didominasi oleh kaum perempuan, malah ia turut dilakukan oleh lelaki. Prof. memberikan contoh mudah. Jika kita melawat sesebuah negeri yang penduduknya sedang bermusuhan, orang pertama yang kita ketemui akan memburuk-burukkan orang lain. Begitu juga sebaliknya jika kita melawat orang yang kemudian akan memburuk-burukkan orang yang pertama tadi. Dalam keadaan ini, Prof. Hamka menyarankan agar tidak terlalu cepat membuat kesimpulan sebelum menerima penerangan kedua-dua pihak.

Selain sikap mencela orang lain, Prof. Hamka turut menekankan agar kita tidak memfitnah diri sendiri. Beliau menjelaskan mengapa al-Quran tidak menyebut "*Janganlah kamu menghina kawanmu*". Menurutnya, diri orang lain adalah dirimu juga. Orang yang menghina orang lain bermaksud dia telah menghina dirinya sendiri. Hal ini kerana perbuatan menghina orang lain telah terlebih dahulu perbuatan itu menghina dirinya sendiri. Orang yang suka menghina sudah menjadi bukti sikap hina dan buruk. Begitu juga dengan larangan memilih gelaran yang buruk. Sikap-sikap seperti ini tidak menepati maksud adab kesopanan

menurut Islam. Hal ini kerana Allah SWT tidak memandang rupa paras seseorang, tetapi Allah hanya memperhitungkan amal ibadat seseorang.

Selain itu, menurut Prof. Hamka, sikap prasangka buruk dan jahat sangka turut menjadi punca keretakan hubungan dalam masyarakat. Namun demikian, penyakit masyarakat yang paling hebat sikap mendedahkan aib dan cela saudaranya sendiri. Menurut beliau, penyakit menjangkiti banyak pihak, sama ada ahli agama, ahli politik, lelaki atau perempuan. Penyakit ini diistilahkan oleh beliau sebagai 'mengumpat atau menggunjing'. Perbuatan ini sentiasa mencari kecelaan orang lain seolah-olah orang mencela ini malaikat dan yang dicelanya manusia yang tidak melakukan kesalahan. Berdasarkan ayat al-Quran, Prof. Hamka mengandaikan perbuatan itu sebagai memakan bangkai daging kawannya sendiri.

### iii. Menghormati ibu bapa

Adab kesopanan yang menjadi tunjang segala kesopanan ialah menghormati ibu bapa. Menurut Prof Hamka, adab kesopanan ini ialah tiang-tiang atau asas yang paling kukuh untuk mewujudkan masyarakat yang damai. Hal ini ditegaskan melalui tulisan beliau, "bagaimanapun majunya langkah orang di dalam pergaulan hidup, bagaimanapun masyhur namanya dan kaya rayanya, belum dapat dia dinamakan seorang yang sopan kalau dia belum menunjukkan baktinya kepada ibu bapanya." Beliau menggambarkan bagaimana cinta, jasa dan pengorbanan ibu dan bapa terhadap anaknya. Cinta seorang ibu tidak mengharapkan balasan, dan tidak juga mengharapkan keuntungan. Tidak ada satu pengorbanan yang melebihi pengorbanan seorang ibu dan ayah kepada anaknya. Hal ini tidak sama dengan cinta antara kekasih kerana cinta antara kekasih hanya berdasarkan nafsu semata-mata.

Dalam kehidupan berkeluarga, hubungan antara anak dengan ibu bapa selalu berlaku perselisihan pandangan akibat perbezaan zaman. Oleh itu, Prof Hamka mengemukakan adab kesopanan dalam berselisih pandangan antara anak dengan ibu bapa. Menurut beliau "*si anak sekali-kali tidak boleh mengecewakan hati orang tua, walaupun tidak sependirian, jangan dilawan atau dikerasi; di dalam perkara ini, si anaklah yang mesti pandai bertenggang (bertolak ansur dan berfikiran waras). Mentang-mentang orang tua masih berfikir secara kuno dan hendak mengukur dunia baru dengan ukuran 50 tahun yang lain, janganlah si anak menyingkirkan sahaja orang tua ke tepi. Hormati dia, cari jalan dan usahakan sedaya upaya untuk dia mengerti. Dan kalau itu akan mengecewakan dia juga, bergaullah dengan dia sebaik-baiknya, dan janganlah sampai pembicaraan tiap hari tersasar kepada urusan pertikaian fahaman itu*". Selain itu, Prof. Hamka memberikan contoh tauladan daripada sirah Nabi Muhammad SAW tentang hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak. Menurut Hamka, Nabi Muhammad SAW tidak bersetuju dengan tindakan keras para sahabat Nabi terhadap ibu bapa mereka yang enggan tunduk kepada ajaran Rasulullah SAW. Malah ada para sahabat yang sanggup membunuh ibu bapa mereka hanya kerana ibu bapa mereka tidak mahu mengikuti ajaran Islam.

Selain tiga perkara di atas, Prof. Hamka turut menghuraikan adab-adab lain dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat, antaranya ialah mengucapkan salam apabila bertemu; apabila dia memanggil hendaklah diperkenankan (dijawab); apabila meminta nasihat maka berilah nasihat; apabila bersin dan dipujinya Allah SWT, maka hendaklah mohonkan rahmat Tuhan buat dia; apabila dia sakit, hendaklah diziarahi; apabila dia meninggal; hendaklah menghantar jenazahnya ke kubur; beri salam ketika hendak memasuki rumah kawan dan

kesopanan ketika dalam sesuatu majlis. Inilah asas adab kesopanan yang diberikan oleh Prof. Hamka dalam mewujudkan kesejahteraan hidup bermasyarakat

## **b. Kesopanan Terhadap Rasulullah SAW**

Menurut Prof. Hamka, Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang paling utama untuk dihormati, dimuliakan dan ditinggikan di antara kalangan makhluk Allah SWT kerana melalui Baginda, kita mendapat petunjuk dari Allah SWT. Dengan bimbingan Baginda, kita dapat mengetahui perbezaan yang haq dengan yang bathil, yang mudharat dengan yang bermanfaat seterusnya memperoleh keselamatan dunia dan akhirat. Bagindalah yang membawa cahaya kebenaran, petunjuk, anugerah dan rahmat. Oleh itu, sewajarnya kita mengingati jasa Baginda yang begitu besar. Setiap orang yang berakal budi pasti akan merasa terhutang budi kepada Baginda melebihi rasa terhutang budi kepada ibu bapa dan gurunya. Sungguhpun begitu, Prof. Hamka menekankan bahawa orang Islam diberikan tuntutan oleh Allah SWT mengenai bagaimana caranya menghormati Nabi atau Rasul berikutan banyak umat terdahulu yang tersesat kerana tidak mengetahui cara menghormati mereka sebagaimana orang Nasrani yang menganggap Nabi Isa Al-Masih itu anak Allah SWT dan seorang manusia penebus dosa manusia. Meskipun akal Nabi itu dituntun wahyu, haruslah diketahui bahawa Baginda juga seorang manusia seperti kita juga.

Berdasarkan surah al-Hujurāt 49:2-3, Prof. Hamka menyatakan bahawa sahabat-sahabat tidak dibenarkan sekali-kali melantangkan suara melebihi suara Nabi Muhammad SAW. Antara perkara yang telahpun diatur pada zaman Baginda ialah dimestikan menunduk kepala dan dibezakan kedudukan Baginda dengan rakan seangkatan. Hal yang demikian kerana dibimbangi segala amalan tidak akan dikerjakan dengan penuh minat dan dianggap mudah sekiranya Baginda dipandang ringan. Bahkan, perbuatan memanggil-manggil nabi Muhammad SAW dari luar dinding rumahnya juga dianggap satu tindakan yang tidak bersopan dan tidak berakal budi. Beliau juga menekankan larangan keluar dari majlis Nabi Muhammad SAW tanpa meminta izin kerana seolah-olah tidak menghargai segala apa yang dibicarakan oleh Baginda, selain larangan menikahi janda-janda Nabi Muhammad SAW disebabkan mereka adalah Ibu Muslimin.

Oleh sebab Rasulullah SAW telah wafat, maka adab kesopanan yang ditekankan oleh Prof. Hamka dalam bukunya ialah mematuhi segala perintahnya. Menurut beliau, oleh sebab setiap perintah Rasul itu datang dari Tuhan, maka sekiranya derhaka pada Rasul, samalah ertinya derhaka pada Allah SWT. Oleh itu, Allah SWT telah mengaturkan selawat dan salam sebagai suatu ucapan kepada Rasul. Ucapan "*Sallallahu 'alaihi wassallam*" dijadikan sebagai ganti terima kasih atas jasanya yang begitu besar.

Selain itu, Prof. Hamka juga memetik beberapa peristiwa mengenai penghormatan sahabat-sahabat Rasulullah setelah Baginda meninggal dunia. Antaranya peristiwa Abdullah bin Umar yang selalu berdiri tegak sebagai tanda hormat pada tempat kebiasaan Rasulullah berdiri tegak dan duduk di tempat yang selalu Baginda duduki. Peristiwa kedua adalah mengenai Imam Malik yang juga dikenali sebagai Imam Darul Hijrah di Madinah. Ketika mengajar kitab "*Al-Muwatta'*"nya berhampiran dengan makam Rasulullah SAW, beliau sentiasa memakai baju baharu, memakai wangi-wangian dan berwuduk. Prof. Hamka berpendapat bahawa ramai kaum Muslimin tidak faham akan hakikat hormat kepada Nabi Muhammad SAW akibat kejahilan masing-masing. Maka, kecerdasan atau kebijaksanaan

akal yang tinggi dan kefahaman hakikat agama diperlukan untuk tujuan ini supaya Nabi Muhammad SAW tidak disamakan dengan Tuhan.

## 2. Kesopanan Terhadap Tuhan

Selepas adab kesopanan bermasyarakat dan adab kesopanan terhadap Rasulullah SAW, Prof. Hamka menekankan aspek kesopanan terhadap sang Pencipta, iaitu Allah SWT. Sama ada mahu atau tidak mahu, kita tunduk kepadaNya, beradab dan sopan, tulus dan jujur. Oleh sebab kesemuanya terbukti jelas di bawah kekuasaan Allah SWT, kita diharuskan tunduk, bertafakur, khusyuk', khudhu', takwa dan menyerah. Kita dituntut cinta dan takut kepadaNya meskipun kita mempunyai kelebihan dan kemuliaan. Beliau mengatakan bahawa perasaan adab kesopanan adalah tanda-tanda keimanan kepada Allah SWT. Perasaan adab kesopanan terhadap Allah SWT hendaklah daripada hati yang merasai sepenuhnya kebesaranNya dengan rasa takut dan cemas, berharap dan bersyukur, cinta dan sabar. Sebab itulah terdapat dalam hadis-hadis Rasulullah SAW bahawa amalan tubuh seperti rukuk, sujud, berdiri dan duduk adalah sia-sia sekiranya tidak disertakan terlebih dahulu dengan iman, percaya, patuh dan takwa.

Takwa merupakan pusat perolehan iman kepada Allah SWT dan kesopanan terhadapNya. Takwa membawa maksud kebiasaan mentaati, menjauhi larangan, mengerjakan suruhan, dan meninggalkan segala perlakuan yang tidak berfaedah. Prof. Hamka juga ada memetik kata-kata Khalifah Umar bin Abdul Aziz, iaitu "Yang bernama takwa itu bukanlah berterusterusan berpuasa siang dan malam, tetapi menunaikan apa yang wajibkan Allah SWT dan meninggalkan apa yang dilarangnya. Kebaikan yang sebaik-baiknya adalah sekiranya telah mencapai takwa, masih sanggup berusaha lagi lebih dari itu."

Prof. Hamka juga menghuraikan mengenai niat yang tulus. Niat menjadi tunjang kepada setiap amalan, sungguhpun sesuatu pekerjaan itu tidak dapat dilaksanakan kerana terdapatnya halangan. Contohnya seseorang yang berniat untuk menunaikan haji pada tahun depan, tanpa diduga, dia meninggal dunia pada tahun ini. Lantaran kesucian niat, pahala tetap diberikan kepadanya sama seperti mereka yang telah menunaikan haji. Namun, setiap amalan itu haruslah ikhlas, yakni dilaksanakan kerana Allah SWT, bukan kerana lain, bukan kerana riak, dan bukan kerana mengharapkan pujian manusia. Beliau mengatakan perhubungan baik dengan masyarakat atau beribadat kepada Allah dikerjakan kerana itu memang kewajipan. Sabda Rasulullah SAW, "*seorang hamba yang beramal dengan ikhlas dibuktikan dengan timbulnya air mata hikmat dari hati menerusi lidahnya.*"

Cinta dan *mahabbah* merupakan sendi kepada niat. Cinta kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW merupakan pokok segala amalan agama. Menurut Prof. Hamka, Imam Al-Ghazali mengupas agama dan falsafah dan hasilnya, hanya Allah sahaja yang cantik, yang sempurna, yang berjasa dan ada pertalian cinta kita kepadaNya. Allah tidak akan mempersiapkan cinta kita terhadapNya. Hal ini terbukti di dalam Hadis Qudsi, iaitu "Barang siapa yang mendekatiKu sejengkal, Aku akan mendekatinya satu hasta; barang siapa yang mendekatiKu satu hasta, Aku akan mendekatinya satu depa." Bermacam-macam anasir yang terdapat dalam takwa. Antaranya adalah harap (*raja'*), takut (*khauf*), cemas (*rahab*), mengintip (*muraqabah*), bersyukur, menyelidiki diri sendiri (*muhasabah*), setakat mana langkah yang ditempuhi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, bertawakal dan bertafakur. Perjuangan dan kemenangan yang telah ditempuhi oleh Iman kepada Khalik dan adab

sopannya kepadaNya menentukan turun naiknya, tebal tipisnya, dalam dangkalnya rasa takwa.

Di bahagian penutup bab empat buku tersebut, Prof. Hamka menekankan aspek keseimbangan antara kecerdasan akal (kebijaksanaan berfikir) dan kemajuan perasaan atau adab kesopanan dalam mencapai kemenangan, termasuklah kemenangan dalam peperangan. Menurutnya, kemenangan dinilai dengan ketinggian kecerdasan akal dan sopan-santunnya. Dalam hal ini, beliau mengambil contoh ahli siasah (ahli politik) dan diplomat lebih disebut berbanding panglima perang dalam setiap peperangan. Nama ahli politik dan diplomat yang bijak dan bersopan santun akan sentiasa disebut-sebut dan dijulung berbanding dengan panglima perang. Akal fikiran merupakan senjata bagi ahli politik dan diplomat, dan ia lebih tajam dan lebih hebat berbanding dengan meriam. Ahli fikir berupaya mencapai sesuatu yang kadang kala belum tentu tercapai dengan bayonet meskipun dalam lemah lembut. Menurut Prof. Hamka lagi, sehabis perang, selepas perjanjian damai ditandatangani, panglima tentera akan kembali menjadi askar biasa, diikat oleh peraturan dan disiplin. Manakala ahli siasah dan ahli fikir akan mengatur dan membangunkan semula negara yang musnah akibat perang. Oleh sebab itu, menurut beliau, Kamal Pasya disebut sebagai seorang pahlawan besar, pahlawan pada waktu perang dan pahlawan pada waktu damai, sebab padanya terkumpul kekuatan hati dan kegagahan seorang tentera dengan ketangkasan fikiran sebagai seorang diplomat.

## **Kesimpulan**

Akal memainkan peranan penting dalam pembentukan adab kesopanan seseorang. Dengan pengertian bahawa falsafah (akal) dan agama (hati) merupakan asas kepada adab kesopanan sebenar. Dengan berdasarkan falsafah Islam, pengertian adab kesopanan yang dikemukakan oleh Prof. Hamka amat menyeluruh kerana huraian adab kesopanan beliau melibatkan hubungan sesama makhluk (adab bermasyarakat, adab terhadap ibu bapa, adab terhadap Rasulullah SAW dan hubungan manusia dengan Pencipta). Dengan adanya petikan al-Quran, hadis dan contoh-contoh yang berlatarbelakangkan sirah nabi, sejarah Islam dan alam Melayu; konsep adab kesopanan yang diketengahkan dapat difahami dengan mudah. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa buku *Falsafah Hidup* yang ditulis oleh Prof. Hamka telah memberikan satu pengertian adab kesopanan yang lengkap dan sesuai sepanjang zaman.

**Bibliografi**

- Abd Ganing Laengkang, 2010. *Kesantunan Bahasa dalam Ceramah Motivasi*. Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah@Prof. Dr. Buya Hamka, 1940. *Falsafah Hidup*. Diadaptasi oleh Pustaka Dini. Cetakan kedua edisi Malaysia, 2006. Shah Alam: Pustaka Dini. (Teks asal Bahasa Indonesia)
- Abdul Halim Mahmud, 1978. *Islam dan Akal*. Diterjemahkan oleh Mohd. Fakhrudin Abd Mukti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal Bahasa Arab)
- Asmah Hj. Omar, 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2007. *Perkembangan Falsafah Bahasa dan Pemikiran Bahasa dalam Linguistik*. Petaling Jaya. Susbadi Sdn Bhd.
- Hashim Hj. Musa, 1994. *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun, 2009. *Mukadimah*. Diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan keenam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Ugama Islam Singapura. 2005. *Pemikir Islam*. 273 Braddell Road: Majlis Ugama Islam Singapura.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2010. *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.